

## SOALAN LAZIM e-CARUMAN

### 1. Apakah e-Caruman?

e-Caruman adalah kemudahan penghantaran Borang A dan/atau bayaran untuk caruman bulanan oleh majikan secara online melalui laman web KWSP di alamat [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my).

### 2. Apakah syarat utama penggunaan e-Caruman?

Syarat utama penggunaan e-Caruman adalah berdaftar i-Akaun majikan.

### 3. Apakah kelebihan e-Caruman kepada majikan?

- Transaksi boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana jua
- Pembayaran cepat, tepat dan selamat
- Ketepatan maklumat majikan dan ahli
- Semakan status transaksi secara online
- Mesra pelanggan dan *hassle free*

### 4. Apakah perkhidmatan utama e-Caruman?

- Penghantaran Borang A dan Bayaran
- Penghantaran Borang A sahaja
- Penghantaran Bayaran sahaja

### 5. Apakah pilihan yang disediakan untuk bayaran secara online?

Terdapat dua (3) pilihan bayaran secara online iaitu:

- Bayaran melalui Laman Web Bank.
- Bayaran melalui *Financial Process Exchange (FPX)*.
- Bayaran melalui *Direct Debit Authorization*.

### 6. Adakah majikan akan mendapat resit bayaran sekiranya bayaran dibuat secara online?

Ya, resit bayaran boleh dicetak setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

### 7. Apakah jenis borang yang boleh digunakan untuk pilihan penghantaran Borang A online?

- Borang A Pracetak.
- Borang A Kosong.
- Muat naik butiran caruman melalui fail format *Comma Separated Value (CSV)*.
- Muat naik butiran caruman melalui fail format CD/Disket (EPFORMA.TXT/ EPFORMA2.TXT).

**8. Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika majikan memilih untuk muat naik data Borang A melalui CSV atau CD/Disket (EPFORMA.TXT/EPFORMA2.TXT)?**

- Majikan dikehendaki menyediakan format CSV (sistem *payroll* majikan sedia ada) atau CD/Disket (EPFORMA.TXT/ EPFORMA2.TXT).
- Majikan perlu mendapat kelulusan format oleh KWSP seperti prosedur semasa.
- Data yang dimuat naik TIDAK perlu dikunci (*encrypted*).

**9. Adakah transaksi Borang A yang telah dihantar secara online akan disimpan di dalam i- Akaun majikan untuk tujuan rujukan?**

Ya, disimpan di i-Akaun majikan dan nama fail diberi secara automatik.

**10. Bolehkah butiran Borang A yang telah dihantar secara online digunakan semula untuk penghantaran Borang A bulan caruman yang lain?**

Boleh, melalui fungsi salin (*copy*) bagi jenis Borang A Pracetak dan Borang A Kosong sahaja.

**11. Adakah kemudahan e-Caruman ini selamat?**

Ya, langkah-langkah keselamatan telah diambil bagi melindungi data pengguna.

**12. Apakah ciri-ciri keselamatan tambahan yang diperkenalkan dalam e-Caruman?**

Mewujudkan aliran kerja dengan kuasa melulus bagi melaksanakan fungsi e-Caruman. Ia bermaksud majikan diberi pilihan untuk melibatkan dua peringkat tindakan iaitu menyedia dan melulus data yang disediakan sebelum penghantaran secara online dibuat dengan melantik Penyedia (*Maker*) dan Pelulus (*Checker*).

**13. Siakah yang berkuasa melantik Penyedia (*Maker*) dan Pelulus (*Checker*)?**

Majikan boleh melantik sesiapa sahaja sebagai pentadbir. Pentadbir yang dilantik mempunyai kuasa ke atas kawalan dan penyelenggaraan i-Akaun majikan. Pentadbir juga diberi kuasa untuk mendaftar sesiapa sahaja sebagai Penyedia (*Maker*) dan Pelulus (*Checker*).

## **BAYARAN MELALUI *DIRECT DEBIT AUTHORIZATION (DDA)***

**14. Sekiranya majikan memilih untuk menggunakan bayaran melalui *Direct Debit Authorization*, apakah tindakan yang perlu dibuat oleh majikan?**

- Majikan hendaklah **berdaftar perkhidmatan Direct Debit e-Caruman** dengan pilihan 14 bank.
- Borang Kebenaran Direct Debit (DDA) boleh diperolehi di kaunter KWSP atau RHB.
- Borang DDA yang telah diisi dan ditandatangani perlu dihantar ke kaunter RHB kecuali RHB Easy bagi tujuan pengesahan.
- Borang DDA yang dihantar perlu disertakan dokumen yang dikeluarkan oleh KWSP seperti Borang A pracetak, penyata caruman dsb.
- Satu Borang DDA hanya untuk satu akaun bank sahaja.
- Majikan dibenarkan membuka maksimum 4 akaun bank.
- Garis panduan mengisi Borang DDA boleh didapati di pautan Panduan Mengisi Borang Kebenaran *Direct Debit* (DDA)

**15. Apakah bank yang berdaftar untuk perkhidmatan *Direct Debit*?**

- RHB Bank Berhad
- CIMB Bank Berhad
- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Citibank Berhad
- Deutsche Bank Malaysia Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- HSBC Bank Malaysia Berhad
- Malayan Banking Berhad
- OCBC Bank Malaysia Berhad
- Public Bank Berhad
- Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
- Bank of America Merrill Lynch
- J P Morgan

**16. Berapa lama Borang DDA diproses?**

Borang DDA diproses dalam tempoh **21 hari bekerja** dari tarikh penghantaran oleh majikan.

**17. Siapakah yang akan memaklumkan status permohonan DDA kepada majikan?**

Status permohonan DDA akan dimaklumkan kepada majikan **oleh RHB**.

## BAYARAN MELALUI LAMAN WEB BANK

**18. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh majikan untuk menggunakan bayaran melalui laman web bank?**

Majikan perlu mempunyai kemudahan perbankan internet dengan bank yang berkaitan.

**19. Apakah jenis akaun bank yang boleh digunakan bagi membuat bayaran melalui laman web bank?**

- Akaun Simpanan
- Akaun Semasa

**20. Adakah majikan dikenakan sebarang caj?**

Tidak. Tiada sebarang caj dikenakan pada majikan

## BAYARAN MELALUI FINANCIAL PROCESS EXCHANGE (FPX)

**21. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh majikan untuk menggunakan bayaran melalui *Financial Process Exchange (FPX)*?**

Majikan perlu mempunyai kemudahan perbankan internet dengan bank yang berkaitan FPX.

**22. Adakah pembayaran melalui FPX hanya melibatkan akaun individu sahaja?**

Tidak, perkhidmatan FPX meliputi kedua-dua bayaran yang dibuat melalui individu (*retail banking*) atau korporat (*corporate banking*). Bayaran yang dibuat oleh individu dikenali sebagai *Business to Costumer (B2C)* model, sementara bayaran yang dibuat oleh perniagaan/ korporat dikenali sebagai *Business to Business (B2B)* model.

**23. Apakah jenis akaun bank yang boleh digunakan bagi membuat bayaran melalui FPX?**

- Akaun Simpanan
- Akaun Semasa

**24. Adakah majikan dikenakan sebarang caj?**

Tidak. Tiada sebarang caj dikenakan pada majikan

**25. Apakah bank yang terlibat?**

<b><i>Retail Banking</i></b>	<b><i>Corporate Banking</i></b>
1. Affin Bank	1. Affin Bank
2. Alliance Bank	2. Alliance Bank
3. Ambank	3. Ambank
4. Bank Muamalat	4. Bank Muamalat
5. CIMB Bank	5. CIMB Bank
6. Hong Leong Bank	6. Hong Leong Bank
7. Kuwait Finance House	7. Kuwait Finance House
8. Maybank	8. Maybank
9. Public Bank	9. Public Bank
10. RHB Bank	10. RHB Bank
11. OCBC	11. OCBC
12. UOB	12. UOB
13. Standard Chartered Bank	13. Standard Chartered Bank
14. Bank Islam Malaysia Berhad	14. Deutsche Bank M Berhad
15. Bank Kerjasama Rakyat	15. HSBC
16. Bank Simpanan Nasional	

**26. Apakah waktu operasi FPX?**

Waktu operasi bagi kebanyakan bank FPX adalah 24 jam. Walaubagaimanapun waktu operasi juga bergantung kepada kesediaan laman web bank bagi bank yang berkaitan.

**27. Apakah had maksimum amaun transaksi melalui pembayaran FPX?**

Maksimum amaun bagi akaun bank individu adalah sebanyak RM30,000.00 per transaksi. Manakala amaun maksimum bank korporat adalah RM1,000,000.00 per transaksi. Walaubagaimanapun maksimum limit ini bergantung kepada limit transaksi bank website pengguna yang mungkin lebih rendah.

**28. Apakah yang berlaku sekiranya amaun Borang A dan transaksi bayaran dibuat melebihi had amaun pembayaran FPX?**

Hanya penghantaran Borang A sahaja dilepaskan. Sistem tidak akan membenarkan transaksi bayaran diteruskan. Majikan diberi 2 pilihan bayaran. Iaitu pilihan 'bayaran sahaja' melalui online, atau mengemukakan bayaran di kaunter bank/kaunter KWSP bersama dengan Notis Makluman Penghantaran Data Borang A myEPF.

**29. Apakah yang boleh dilakukan oleh majikan sekiranya Borang A melebihi had amaun pembayaran FPX?**

Majikan boleh membuat bayaran secara *online* melalui FPX dengan menggunakan lebih daripada satu (1) transaksi untuk Borang A yang sama.

Contoh Kes	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah amaun Borang A :- RM45,000</li><li>• Majikan hanya mempunyai akaun bank individu ( retail banking )</li></ul>	Majikan boleh memilih membuat bayaran menggunakan dua (2) transaksi bayaran yang berasingan : – <ul style="list-style-type: none"><li>• Transaksi pertama RM30,000</li><li>• Transaksi kedua RM15,000</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah amaun Borang A:- RM2,500,000</li><li>• Majikan hanya mempunyai akaun bank korporat (corporate banking)</li></ul>	Majikan boleh memilih membuat bayaran menggunakan tiga (3) transaksi bayaran yang berasingan :– <ul style="list-style-type: none"><li>• Transaksi pertama RM1,000,000</li><li>• Transaksi kedua RM1,000,000</li><li>• Transaksi ketiga RM 500,000</li></ul>

**30. Apakah yang boleh dilakukan oleh majikan sekiranya amaun bayaran telah didebitkan walaupun terdapat error atau menerima mesej pembayaran tidak berjaya selepas transaksi dilakukan?**

Sekiranya transaksi bayaran yang dilakukan tidak berjaya atas sebab tertentu, amaun bayaran tersebut akan dikreditkan semula ke dalam akaun oleh pihak bank. Pihak majikan boleh menghubungi pihak bank untuk pengembalian status dengan mengemukakan FPX Transaction ID atau Merchant Order No. sebagai rujukan. Majikan juga boleh mengemukakan skrin shot bayaran yang mempunyai maklumat FPX Transaction ID atau Merchant Order No.

## **BAYARAN MELALUI e-CARUMAN APP**

**31. Apa itu e-Caruman App?**

Aplikasi untuk majikan membuat **penghantaran Borang A dan bayaran caruman** serta mendapatkan maklumat akaun KWSP melalui telefon pintar atau *tablet*. Kemudahan ini adalah untuk majikan yang mempunyai 10 pekerja dan ke bawah.

**32. Apakah keperluan e-Caruman?**

- Telefon pintar atau *tablet* yang menggunakan sistem Android versi 4.2 dan ke atas.
- Telefon pintar atau *tablet* yang menggunakan sistem iOS (jenama Apple) versi 9.0 dan ke atas.
- Talian internet dan pelan data
- i-Akaun Majikan
- Akaun perbankan internet yang menyertai FPX

### 33. Apakah ciri-ciri e-Caruman App?

- Bila-bila masa, di mana-mana jua
- Menggunakan kaedah aliran tanpa pelulus (*non workflow*).
- Untuk majikan yang mempunyai 10 pekerja dan ke bawah.
- Menggunakan FPX sebagai saluran bayaran.
- Mempunyai kemudahan carian maklumat pekerja daripada sistem KWSP.

### 34. Apa yang perlu dilakukan sekiranya majikan menggunakan kaedah aliran penyelia/pelulus (*workflow*)?

Majikan perlu menukar dahulu kepada kaedah aliran tanpa pelulus melalui i-Akaun Majikan.

### 35. Adakah majikan yang mempunyai lebih 10 orang pekerja boleh menggunakan e-Caruman App?

Boleh. Namun majikan perlu membuat lebih daripada 1 transaksi.

### 36. Kenapakah apabila majikan memilih 'Pilihan Borang A – Borang A Terkini', maklumat pekerja adalah tidak sama dengan maklumat pekerja untuk bayaran bulan sebelumnya?

'Pilihan Borang A – Borang A Terkini' adalah berdasarkan kepada maklumat pekerja daripada penghantaran Borang A terakhir.

Contoh:

Transaksi	Tarikh Transaksi	Tarikh Pengkreditan	Bilangan Pekerja	Bulan Caruman
Transaksi 1	10 Ogos 2016	13 Ogos 2016	8	Ogos 2016
Transaksi 2	14 Ogos 2016	17 Ogos 2016	2	Ogos 2016

\*\* Sekiranya majikan memilih Borang A yang terkini pada bulan berikutnya, sistem akan memaparkan maklumat pengkreditan yang terkini iaitu transaksi pada **14 Ogos 2016; pengkreditan pada 17 Ogos 2016.**

### 37. Jika pembayaran tidak berjaya, adakah Borang A akan diserahkan kepada KWSP?

Tidak. Borang A tidak akan dihantar kepada KWSP. Ini kerana e-Caruman App menggunakan kaedah penghantaran Borang A.